

# TERENGGANU DAN KELANTAN

**PUSTAKA BUANA**

**No. 142, Jalan Choo Lip Kung,**

**Taman Taynton View,**

**56000 Cheras,**

**Kuala Lumpur.**

**Tel: 03-8945 8505**

**Fax: 03-8945 8510**

*Semua hak cipta terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi atau diubahsuai dalam sebarang bentuk atau cara, sama ada secara elektronik, mekanikal, penggambaran semula, perakaman atau sebaliknya tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada penerbit.*

© PUSTAKA BUANA

Cetakan Pertama 2004

ISBN SIRI 983-2642-18-3

ISBN 983-2642-24-8

M  
959.5122  
PUT

Dicetak oleh:  
Percetakan Tatt Sdn. Bhd. (270731-D)

M  
1146049

01 SEP 2004  
Perpustakaan Negara  
Malaysia

**SIRI GEMILANG  
TANAH NUSA**

# **TERENGGANU DAN KELANTAN**

**PUTERI FAHSYAR**



## TERENGGANU

*Sultan dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong* - Duli Yang Maha Mulia Sultan Mizan Zainal Abidin Ibn Almarhum Sultan Mahmud al-Muktafi Billah Shah, DK (NS), DMN, SSMT, DK (Perlis), DKT, SPMJ, DK (Johor), SPMT, DK (Terengganu)  
*Tarikh Menaiki Takhta:* 15 Mei 1998

*Menteri Besar* - YAB Tuan Guru Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang, SSMT  
*Tarikh Pelantikan:* 2 Disember 1999

*Keluasan* - 12 955 km persegi  
*Ibu Negeri* - Kuala Terengganu  
*Bandar Diraja* - Kuala Terengganu  
*Daerah* - 7 (Besut, Dungun, Kemaman, Marang, Hulu Terengganu, Kuala Terengganu, Setiu)  
*Penduduk* - 919 300

*Komposisi Kaum*  
● Melayu: 869 000  
● Cina: 25 100  
● India: 2 000  
● Lain-lain: 900

*Kadar Dalam Negara Kasar (KDKN) Mengikut Sektor (RM Juta)*

- Pertanian, Perhutanan, Penternakan dan Perikanan: RM 701.3
- Perlombongan dan Kuari: RM 8 638.9
- Perkilangan / Pembuatan: RM 3 006.5
- Pembinaan: RM 337.8
- Bekalan Elektrik, Gas dan Air: RM 216.6
- Pengangkutan, Penyimpanan dan Perhubungan: RM 341.4
- Kewangan, Insuran, Harta Benda dan Perdagangan: RM 627.8
- Perdagangan Borong, Runcit, Restoran dan Hotel: RM 369.7
- Perkhidmatan Kerajaan: RM 833.3
- Perkhidmatan Lain: RM 98.0

*KDKN Perkapita* - RM 11 209

### Sejarah

Sejarah awal Terengganu menunjukkan negeri ini adalah sebahagian daripada wilayah pemerintah Empayar Srivijaya. Apabila Empayar Majapahit mula

berkuasa, Terengganu turut menjadi sebahagian daripada jajahan Majapahit. Walau bagaimanapun, sejarah awal Terengganu ini tidak begitu jelas. Cuma pada tahun 1857, Terengganu turut sama menentang orang-orang Portugis. Apabila Portugis menyerang Empayar Johor, Terengganu bersama-sama Inderagiri dan Siak bekerjasama menentang Portugis. Walaupun dalam abad ke-15 itu rantau Nusantara penuh dengan pergolakan politik sesama sendiri disertai dengan peluasan kuasa dan kawasan oleh kuasa-kuasa barat, Terengganu seolah-olah tidak terjejas. Ia cuma menjadi negeri naungan sementara bagi Johor dan Pahang.

Kerajaan Terengganu yang wujud pada masa kini bermula pada tahun 1726. Tun Zainal Abidin, keluarga Bendahara Pahang dan Patani telah dilantik sebagai Raja Terengganu dengan memakai gelaran Sultan Zainal Abidin I. Kerajaan Terengganu mencapai zaman kegemilangannya semasa pemerintahan Sultan Mansur Syah (1741-1793), Sultan Terengganu II. Terengganu pada masa itu telah muncul sebagai salah satu pelabuhan yang penting di Nusantara. Hubungan di antara Siam dan Terengganu bermula apabila Siam meminta bantuan Terengganu menyerang Raja Ligor pada tahun 1781. Sebagai balasan, Terengganu dihadiahkan dengan hasil rampasan perang, Sultan Mansur Syah menghantar bunga emas ke Siam dengan tujuan mengeratkan tali persahabatan. Namun begitu, Siam menganggap pemberian bunga emas ini adalah sebagai tindakan mengakui ketuanan Siam dan Terengganu merupakan negeri naungan Siam. Oleh itu Siam memaksa Terengganu menghantar ufti bunga emas ke Bangkok dan keadaan ini terus berlarutan sehingga ke tahun 1909.

Pada 9 Julai 1909, Inggeris dan Siam menandatangani Perjanjian Bangkok yang mengakibatkan Terengganu diserahkan kepada Inggeris. Namun, Sultan Terengganu, Sultan Zainal Abidin III tidak mengiktiraf perjanjian ini. Pada tahun 1910 atas desakan Inggeris, satu perjanjian persahabatan telah ditandatangani oleh Inggeris yang membolehkan seorang ejen British (Pegawai Konsul) dilantik di Terengganu untuk membantu sultan menjalankan pentadbiran negeri. W.I. Conlay telah dilantik sebagai pegawai konsul yang pertama dan ditempatkan di Kuala Terengganu. Terengganu akhirnya menerima seorang penasihat Inggeris pada tahun 1919 yang bernama J. L. Humpreys.

Semasa pemerintahan Jepun, Terengganu di-